

BINGKAI MALAYSIA DALAM PEMBERITAAN TELEVISYEN DI INDONESIA

AMRI DUNAN & HAMEDI MOHD ADNAN

ABSTRACT

FRAME OF MALAYSIA IN INDONESIAN TELEVISION NEWS

During the admiration period of Susilo Bambang Yudhoyono (SBY), Indonesia-Malaysia relationship became worse due to certain issue. Basically, there are three important issues affected relationship between Indonesia-Malaysia: political issue (Ambalat issue), social issue (Indonesian migrant worker – TKI), and cultural issue (Pendet Dance). The question rise up in Indonesia-Malaysia relationship caused by the response and the sensitively from Indonesian which affected by the media framing, included television media. Especially, this research also proposed to identify how the framing created and identify the media television framing. This thesis will separate to the framing analysis model to get the theory and the new empirical knowledge in media television framing environment. This research use framing analysis “Television News” model developed from model Gamson and Mogdiliani (1989) and use the inductive qualitative analysis process developed from model Van Gorp (2005/2010). The model refers to the identification method in verbal framing and nonverbal framing with the matrix method. The researcher do the in-depth interview on 12 peoples, which separated to 4 peoples from Metro TV and 4 peoples from TV One and 4 peoples from TVRI. There are 1 reporter, 1 cameraman, 1 producer and 1 redaction leader involved in this in-depth interview. This in-depth interview proposed to know ‘how’ and ‘why’ the verbal and nonverbal framing done by the framing actors. Triangulation is the process between framing analysis “Television News” model, in-depth interview and the observation shows that the basic ideology such as nationalism from the media owner affect the media framing regarding Malaysia related issues.

Keyword : *framing, news television, journalist, bilateral relationship*

PENDAHULUAN

Mengapakah aksi tunjuk perasaan daripada masyarakat Indonesia di Kedutaan Besar Malaysia ditayangkan secara meluas oleh media televisyen di Indonesia? Mengapakah

visual bendera Malaysia yang dibakar oleh massa yang melakukan aksi tunjuk perasaan ditayangkan secara *close-up*? Dan mengapalah suara massa di lapangan yang menyanyikan lagu *Indonesia Raya* ditayangkan dalam siaran berita televisyen?

Pertanyaan-pertanyaan tersebut muncul kerana adanya proses pembingkaiian terhadap isu atau peristiwa tertentu daripada pihak media. Menurut Gamson dan Mogdilians (1989), yang menjadi fokus dalam pembingkaiian ialah bagaimana sesuatu peristiwa dibingkaiikan oleh media dan kemudian ditayangkan kepada khalayak atau penonton televisyen. Proses pembingkaiian lazimnya dilakukan berasaskan ideologi yang dianuti oleh sesebuah media televisyen. Media televisyen yang cenderung pada ideologi ekonomis mendewakan rating dan iklan sebagai pertimbangan dalam menayangkan program, khususnya berita. Yang cenderung kepada ideologi politik lebih mementingkan pertimbangan politik negara, terutamanya dalam liputan berita antarabangsa yang berkaitan dengan konflik negaranya dengan negara lain.

Ideologi yang dianuti oleh media televisyen Indonesia juga bergantung pada sistem persuratkhabaran dan sistem penyiarannya. Lazimnya ideologi negara Indonesia, iaitu Pancasila dipegang oleh media, malah sistem persuratkhabaran Indonesia dikenali sebagai Pers Pancasila sewaktu zaman Orde Baru yang dipimpin Presiden Suharto. Namun, apabila pintu kapitalisme dibuka pada dunia kewartawanan, dan munculnya RCTI (Rajawali Citra Televisyen Indonesia) sebagai stesen televisyen swasta pertama di Indonesia pada tahun 1987, maka secara perlahan-lahan ideologi kapitalis atau para pemilik modal yang menjadi panglima dalam media televisyen masuk ke dalam proses pembingkaiian berita televisyen di Indonesia (Sen & Hill, 2007: 112). Selain itu, ideologi ini menyebabkan media condong memunculkan informasi yang bersifat personal, tidak kontekstual, menekankan tindakan dan penggambaran serta cenderung bersifat stereotaip (Iyengar, 1991; Hallin, 1986; Liebes, 1998).

Secara umumnya terdapat tiga bingkai utama yang mewarnai hubungan Indonesia-Malaysia selama ini. Semasa konfrontasi Indonesia-Malaysia terdapat bingkai "Ganyang Malaysia" (Syed Othman, 1999), manakala sewaktu Orde Baru, hubungan Indonesia-Malaysia dengan diletakkan dalam bingkai "Saudara Serumpun", dan semasa Reformasi muncul pula bingkai "Malingsia". Bingkai tersebut diketahui oleh masyarakat Indonesia kerana ia berkaitan dengan berbagai-bagai peristiwa yang terjadi antara kedua-dua negara bertetangga ini.

Namun perkara yang membangkitkan persoalan dalam hubungan Indonesia-Malaysia cenderung disebabkan pelbagai respons dan sensitiviti daripada rakyat Indonesia yang dibingkaiikan oleh media massa. Media massa Indonesia mampu membentuk pendapat tentang citra Malaysia dengan pelbagai cara sehingga membangkitkan semangat nasionalisme (rasa kebangsaan) dan sentimen anti-Malaysia.

Oleh itu, penyelidikan ini dilakukan untuk mengenal pasti cara pembingkaiian itu di samping mengenal pasti faktor dan asas ideologi media massa, khasnya media televisyen. Tiga buah televisyen nasional di Indonesia, iaitu Metro TV, TV One, dan TVRI merupakan media yang cenderung serius yang memberikan perhatian besar dalam pemberitaan berkaitan hubungan Indonesia-Malaysia. Metro TV dan TV One mempunyai pasukan khas untuk liputan berita konflik. Mereka acapkali melakukan pembingkaiian citra Malaysia secara bersiri dan mendalam. TVRI sebagai stesen milik negara pula tentunya berperanan penting dalam pembingkaiian isu-isu tersebut, apatah lagi ia terkait dengan keutuhan negara Kesatuan Republik Indonesia.

Umumnya terdapat tiga isu utama dalam hubungan Indonesia-Malaysia, iaitu isu politik (sempadan negara), isu sosial (tenaga kerja Indonesia—TKI), dan isu seni budaya

(warisan budaya). Sehubungan itu, kajian analisis pembedingkaian dilakukan berfokus pada isu Ambalat, TKI, dan seni budaya (Tari Pendet).

OBJEKTIF KAJIAN

Berasaskan latar belakang di atas, kajian ini bermatlamat untuk mencapai objektif yang berikut:

- Mengenal pasti bingkai media televisyen Indonesia (Metro TV, TV One, dan TVRI) terhadap isu Ambalat, TKI, dan tari Pendet.
- Mengkaji dan melakukan validasi model analisis pembedingkaian Berita Televisyen.
- Mengenal pasti cara pembedingkaian citra Malaysia dalam berita televisyen oleh stesen Metro TV, TV One, dan TVRI terhadap isu Ambalat, TKI, dan tari Pendet.
- Mengenal pasti faktor yang paling berpengaruh dalam bingkai media televisyen Indonesia (Metro TV, TV One, dan TVRI) dalam pemberitaan isu Ambalat, TKI, dan tari Pendet.
- Mengenal pasti landasan ideologi yang paling berpengaruh kepada media televisyen Indonesia (Metro TV, TV One, dan TVRI) dalam pembedingkaian pemberitaan isu Ambalat, TKI, dan tari Pendet.

Berdasarkan kelima-lima objektif tersebut, maka kajian ini akan cuba mengenal pasti bahawa jika wartawan atau media televisyen berada di bawah kendalian negara, maka ideologi penguasalah yang diterapkan, tetapi jika wartawan atau media televisyen memiliki kebebasan atau kemerdekaan, maka ideologi pengusahalah (pemilikan media) yang menjadi panglima dalam proses pembedingkaian.

STRATEGI PEMBEDINGKAIAN SECARA VERBAL DAN NON-VERBAL

Terdapat dua strategi bagi media dalam pembedingkaian imej, isu, mahupun pendapat, iaitu pembedingkaian secara verbal dan secara non-verbal. Pembedingkaian secara verbal merujuk pada strategi penggunaan tanda-tanda bahasa secara verbal dalam pembedingkaian sesuatu citra atau imej. Bagi Mulyana (2011: 260), simbol atau pesanan verbal ialah semua jenis simbol yang menggunakan satu perkataan atau lebih. Hampir semua rangsangan bicara secara sedar dikategorikan sebagai pesanan verbal yang disengajakan, iaitu usaha-usaha yang dilakukan secara sedar untuk berhubungan dengan orang lain secara lisan. Tuchman (1980: 104-132) menjelaskan bahawa penggunaan simbol atau bahasa tertentu boleh menentukan format naratif dan makna yang tertentu.

Strategi pembedingkaian secara non-verbal pula melibatkan penggunaan tanda bahasa bukan lisan dalam pembedingkaian sesuatu citra. Menurut Samovar dan Porter (1991) yang diungkapkan oleh Mulyana (2011: 343), komunikasi non-verbal melibatkan semua rangsangan ataupun perilaku yang dilakukan secara sengaja atau sebaliknya yang boleh bermakna bagi diri sendiri mahupun orang lain. Bagi mengetahui cara pandang atau perspektif wartawan dalam memilih dan menentukan tanda-tanda bahasa verbal mahupun non-verbal dalam siaran berita televisyen, analisis pembedingkaian digunakan. Bagi Gamson dan Mogdiliani (1989:3), cara pandang wartawan dilihat sebagai kemasan, iaitu serangkaian idea yang menunjukkan isu yang sedang dibicarakan dan peristiwa yang berhubungan dengannya. Dengan perkataan lain, kemasan ialah skema pemahaman yang digunakan wartawan dalam mentafsir makna mesej yang diterima mahupun yang disampaikan.

Subjek analisis pementakan lazimnya melibatkan bagaimana skema rakyat boleh diaktifkan oleh mesej yang diterima. Asasnya bingkai melibatkan pemilihan dan penonjolan. Penggunaan bingkai dalam media membantu pentakrifan masalah dan membawa perhatian kepada beberapa perkara semasa yang mengaburkan perkara lain (Entman, 1993). Apa-apa yang tertinggal juga menyumbang kepada kuasa bingkai. Pada peringkat yang paling umum, pementakan merujuk pada perubahan halus dalam pernyataan persembahan, seperti persembahan yang mempunyai imej visual. Bingkai visual untuk berita bercetak dan berita penyiaran adalah berbeza.

Sifat-sifat istimewa visual dalam bingkai visual, menurut Messaris dan Abraham (2001: 220)—*iconicity*, *indexicality* dan *implicitness* sintaksis—menjadikannya alat yang amat berkesan untuk membingkai dan menjelaskan ideologi mesej. Messaris dan Abraham (2001: 215) menyatakan bahawa bingkai visual mungkin mempunyai kesan yang kurang pada penonton berbanding perkataan. Walau bagaimanapun, elemen-elemen visual dengan mudah dapat menyampaikan rintangan mesej dalam membingkai perkataan. Dalam konteks bingkai visual, kehadiran imej atau gambar membantu pentafsiran peristiwa berita (Entman, 1993). Ini bertentangan dengan kepercayaan umum bahawa gambar tidak bersifat neutral (Hulteng, 1985; Tagg, 1988). Walaupun tiada imej, ia masih perlu dipilih untuk menangkap realiti kompleks (Messaris & Abraham, 2001), malah visual wartawan tidak dapat dielakkan dalam proses membingkai gerakan. Mereka mungkin mengikut garis panduan untuk menghasilkan laporan yang objektif, tetapi mereka juga boleh menyampaikan rangka dominan berita kepada audiens sasaran mereka (Entman, 1993). Oleh itu, elemen visual sentiasa diambil kira. Kaszmierzak (2001) melihat elemen visual sebagai bahasa yang menghasilkan dan menyampaikan pemikiran serta imej tentang realiti. Malah bahasa ini terdiri daripada simbol yang berasal daripada konteks mereka.

Messaris dan Abraham (2001: 216) menyatakan bahawa hubungan antara sebahagian besar perkataan dengan maknanya ialah kemurnian sebuah konvensi masalah sosial, sedangkan hubungan antara gambar dengan makna didasarkan pada kesamaan atau analogi. Menurut mereka, gambar yang berkualiti merupakan petunjuk secara langsung, bukan dibangunkan sebagai wujud realiti yang sesungguhnya (Messaris & Abraham, 2001: 217). Visual pula ialah sistem perwakilan dan pentafsiran yang membenarkan orang ramai menghasilkan atau menyampaikan pemikiran dan imej tentang realiti.

ANALISIS PEMBINGKAIAN “BERITA TELEVISYEN” SEBAGAI METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan model analisis pementakan “Berita Televisyen” yang dikembangkan daripada model Gamson dan Mogdiliano (1989) serta prosedur analisis secara induktif kualitatif Van Gorp (2005/2010). Analisis pementakan model “Berita Televisyen” merujuk pada suatu metode dalam mengenal pasti cara pementakan secara verbal mahupun non-verbal dengan menggunakan bingkai matriks daripada media televisyen terhadap suatu isu, kejadian mahupun kes tertentu. Bingkai media televisyen merupakan bingkai matriks yang melibatkan penggabungan hasil analisis pementakan secara verbal dan non-verbal yang terdiri daripada empat perangkat atau set (*devices*), iaitu set pementakan secara verbal, set taakulan atau penalaran secara verbal, set pementakan secara non-verbal, dan set penalaran secara non-verbal. Model “Berita Televisyen” pula digunakan dalam set pementakan non-verbal dan set penalaran non-verbal. Set pementakan non-verbal terdiri daripada strategi penyajian suara (parabahasa, ilustrasi, dan atmosfera) dan penyajian gambar (pergerakan dan sudut kamera, grafik, dan kartun). Set penalaran non-verbal pula terdiri daripada analisis sebab-

akibat atau punca (*roots*), tuntutan prinsip (*appeals to principle*), dan akibat (*consequences*)—sama seperti set penalaran verbal.

Sebagai langkah terakhir untuk menyempurnakan dapatan, triangulasi dilakukan dengan menggabungkan dan membandingkan dapatan analisis pembedaan model “Berita Televisyen” dan wawancara mendalam mahupun pemerhatian. Oleh itu, kajian ini melibatkan tiga tahap seperti berikut:

- Analisis pembedaan berita televisyen.
- Temu bual mendalam
- Ideologi pemilikan media

Analisis Pembedaan “Berita Televisyen”

Jadual 1: Penggabungan bingkai secara verbal dan non-verbal siaran berita Metro TV tentang isu Ambalat

Bingkai Metro TV: Ancaman Malaysia			
Bingkai (verbal): <i>Kapal Tentera Negeri Jiran mengancam wilayah Ambalat</i>		Bingkai (non-verbal): <i>Kapal Malaysia diusir dari perairan Ambalat oleh KRI</i>	
Set Pembedaan (verbal)	Set penalaran (verbal)	Set pembedaan (non-verbal)	Set Penalaran (non-verbal)
<p>Ungkapan penarik (kontras): Tentera Negeri Jiran vs. TNI Angkatan Laut</p> <p>Paparan (<i>Depiction</i>): Negeri Jiran merupakan label</p> <p>Kiasan (<i>Metaphors</i>): “terus memana” ialah perumpamaan atas situasi di Ambalat.</p> <p>Paparan (<i>Depiction</i>): ‘ulah’ menggambarkan sikap negatif</p> <p>Kiasan (<i>Metaphors</i>): “menyulut” Contoh: tentang keberanian TNI Angkatan Laut.</p>	<p>Punca: Akibat tentera Malaysia sering memasuki perairan Indonesia, maka TNI Angkatan Laut mengusirnya.</p> <p>Tuntutan prinsip: Pesan moral dari bingkai bahawa TNI Angkatan Laut bahawa siap menjaga perairan Indonesia dari ancaman tentera Malaysia.</p> <p>Akibat: Efek yang diharapkan bingkai agar Malaysia menghargai wilayah Indonesia.</p>	<p>Parabahasa: pada ayat “terjadi setiap hari”</p> <p>Grafik: judul ditayangkan 3 versi utk memperkuat bingkai</p> <p>Sudut Kamera: Sudut tinggi (<i>high angle</i>) untuk menunjukkan citra negatif</p> <p>Sudut Pemberitaan: Komposisi gambar menunjukkan citra positif KRI yang mengusir kapal</p> <p>Petikan suara (<i>Sound bite</i>): untuk mencitrakan negatif posisi Tentera Malaysia. <i>Sound-up</i> untuk Memperkuat citra negatif kapal Malaysia</p>	<p>Punca: kerana kapal perang Malaysia memasuki perairan Indonesia setiap hari</p> <p>Tuntutan prinsip: KRI merupakan pihak yang benar dan kapal tentera Malaysia di pihak yang salah.</p> <p>Akibat: bahawa pemerintah dan rakyat Indonesia boleh mendukung tindakan KRI untuk melawan Malaysia</p>

Dengan analisis pemingkaian model “Berita Televisyen” dan bingkai matriks, Jadual 1 menunjukkan contoh analisis pemingkaian teks dan siaran berita Metro TV pada tanggal 27 Mei 2009.

Sebelum menggabungkan bingkai verbal dan non-verbal seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1 di atas, pemberian makna bingkai secara verbal dan non-verbal dilakukan dengan menggunakan bingkai matriks melalui prosedur analisis induktif kualitatif. Oleh itu, metode interpretasi yang sesuai dengan semangat paradigma konstruktif diperlukan, iaitu dengan metode perbandingan sebagai prinsip metodologi dengan melakukan pengekodan induktif secara verbal dan non-verbal yang meliputi pengekodan terbuka, pengekodan paksi, dan pengekodan selektif, dari awal hingga akhir (Glaser & Strauss, 1971; Van Gorp, 2010).

Temu Bual Mendalam

Temu bual mendalam dengan para pelaku pemingkaian (wartawan, penerbit berita, dan pemimpin redaksi) dilakukan untuk mengenal pasti cara pemingkaian dan sebab mereka membuat simbol-simbol tersebut sama ada pada naskah mahupun dalam strategi penyajian gambar dan suara. Selain melalui temu bual mendalam, dilakukan juga pemerhatian dan kajian sejarah melalui penelusuran dokumen pada naskah (teks) dan siaran berita (audio-visual) yang berhubungan dengan perilaku pelaku pemingkaian.

Penelusuran dokumen yang dilakukan menunjukkan bahawa terdapat 195 siaran di Metro TV, 149 siaran di TV One, dan 16 siaran di TVRI yang berkaitan dengan isu Ambalat, TKI, dan tari Pendet. Siaran berita tersebut ditayangkan dalam rancangan *Metro Hari Ini* (Metro TV), *Kabar Petang* (TV One), dan *Warta Malam* (TVRI) sepanjang 1 Januari 2009 hingga 10 Oktober 2010.

Triangulasi

Triangulasi dilakukan antara dapatan analisis pemingkaian model “Berita Televisyen” dengan dapatan temu bual mendalam dan pemerhatian. Data yang diperoleh hasil analisis ketiga-tiga metode tersebut digabungkan dan ditentukan kesimpulan pertamanya. Kesimpulan pertama ini diuji silang kembali dengan data yang lainnya untuk mendapatkan kesimpulan yang lebih sempurna. Proses triangulasi terhadap data-data yang digabungkan daripada kedua-dua metode tersebut akan terus dilakukan hingga jawapan yang memuaskan ditemui. Langkah ini dilakukan untuk memperkuat unsur kesahihan, kebolehpercayaan, dan objektiviti daripada dapatan dalam kajian ini.

PERBINCANGAN

Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan setiap stesen yang dikaji memegang ideologi tertentu dalam menangani isu konflik yang melibatkan hubungan Indonesia-Malaysia.

Ideologi dan Faktor Pemilikan Media dalam Bingkai Metro TV

Berasaskan dapatan analisis pemingkaian model “Berita Televisyen”, terhadap isu Ambalat, TKI, dan Tari Pendet oleh Metro TV kelihatan cenderung memberikan gambaran negatif pada citra Malaysia. Ini lebih terlihat dalam strategi pemingkaian non-verbalnya seperti penggunaan grafik, petikan suara, intonasi atau ilustrasi dan atmosfera. Antaranya ialah menampilkan grafik seperti peletakan tajuk “Klaim Malaysia” sejak mula hingga akhir berita disiarkan; penggunaan sudut kamera dengan komposisi gambar *close-up* pada luka-luka di

bahagian tubuh TKI mangsa penyeksaan, dan sudut rendah yang menunjukkan kapal perang Malaysia yang dikejar kapal perang Indonesia di perairan Ambalat.

Pembingkai-pembingkai tersebut seiring dengan sejarah dan tujuan penubuhan Metro TV oleh Surya Paloh yang bertujuan untuk mengangkat martabat bangsa Indonesia melalui televisyen, menurut wakil pemimpin redaksinya, Makroen Senjaya. Dengan semangat rasa kebangsaan itu, tampaknya Metro TV memberikan pencitraan negatif kepada Malaysia, walaupun dikatakan alasannya kerana sesuai dengan fakta-fakta di lapangan.

Sementara itu, diakui juga memang ada aroma persaingan bisnes dengan TV One yang juga merupakan stesen televisyen berita nasional di Indonesia. Ini lebih ketara sejak adanya persaingan politik antara Surya Paloh dengan pemilik TV One, Aburizal Bakrie, ujar para wartawan Metro TV sendiri. Bahkan, Metro TV cenderung dilihat sebagai “corong” Parti Nasional Demokrat (NasDem) yang didirikan Surya Paloh. Hal tersebut tampak pada berbagai-bagai iklan mahupun kegiatan parti NasDem yang sering muncul dalam banyak program pemberitaan Metro TV. Parti NasDem yang mengusung cogan “Gerakan Perubahan” merupakan parti pembangkang yang berkuasa pada saat ini melalui berbagai-bagai isu yang dihembuskannya. Ideologi parti NasDem yang nasionalis cenderung sama dengan ideologi Surya Paloh.

Oleh itu, pertimbangan rasa kebangsaan berserta watak Surya Paloh yang nasionalis merupakan sebahagian ideologi politik yang dibawa masuk ke dalam proses pembingkai citra Malaysia dalam pemberitaan Metro TV terhadap ketiga-tiga isu yang dikaji. Seperti yang diakui para wartawannya, penerbit, mahupun pemimpin redaksinya, mereka memahami watak Surya Paloh yang nasionalis dan mengakui bahawa rasa kebangsaan berpengaruh besar dalam proses pembingkai sama ada di lapangan mahupun dalam proses rutin media. Seperti yang diungkapkan oleh Desi, jika tidak ada teguran dari “atas”, itu bererti liputan berita yang dilakukan sesuai dengan “keinginan tuan media”. Pertimbangan ideologi ekonomi seperti mengejar rating berita dan pengiklan atau pertimbangan ideologi sosial seperti memberikan informasi yang mendidik cenderung kurang dominan dalam pembingkai citra Malaysia oleh stesen televisyen berkenaan.

Dengan demikian boleh dikatakan bahawa pertimbangan ideologi politik menjadi asas ideologi Metro TV dalam membingkai citra Malaysia. Dalam pemberitaannya, stesen televisyen itu sering membingkai berita berkaitan konflik Indonesia-Malaysia dengan menambahkan *filler* dengan menggunakan lagu-lagu perjuangan seperti *Maju tak Gentar* dan memasukkan imej bendera Merah Putih mahupun Tentera Nasional Indonesia (TNI) yang sedang mengadakan latihan perang. Pencitraan negatif terhadap citra Malaysia tidak dapat dipisahkan daripada sentimen ideologi politik, iaitu rasa kebangsaan mahupun ideologi politik yang dimiliki oleh Surya Paloh sebagai pemilik Metro TV.

Ideologi dan Faktor Pemilikan Media dalam bingkai TV One

TV One juga cenderung memberikan gambaran negatif terhadap citra Malaysia berdasarkan kajian yang dilakukan. Tidak jauh berbeza dengan Metro TV, pembingkai citra negatif terhadap Malaysia yang dilakukan TV One juga lebih mengutamakan strategi pembingkai non-verbal, seperti penggunaan grafik, kartun, petikan suara, intonasi mahupun ilustrasi dan atmosfera. Antara ialah penggunaan muzik dengan tempo yang cepat untuk membangkitkan emosi penonton/masyarakat bahawa Ambalat berada dalam situasi perang.

Pembingkaiannya sejalan dengan sejarah dan tujuan berdirinya TV One yang dipunyai oleh Aburizal Bakrie, seorang pengusaha yang juga ketua umum parti Golkar dan calon Presiden RI pada pilihan raya 2014. Karakter Aburizal Bakrie yang merupakan

tokoh nasionalis sering tampak pada berbagai-bagai iklan politik parti Golkar dan siaran pemberitaan TV One. Hal tersebut diakui oleh wakil pemimpin redaksinya, Nurjaman yang menyatakan bahawa apabila sesuatu peristiwa politik berkaitan dengan kegiatan Aburizal Bakrie, maka polisi kebijakan redaksi akan menyokong beliau. Namun itu merupakan sikap kebebasan redaksi berita untuk berpihak kepada kebenaran sesuai dengan kebenaran yang diyakini, ujar Nurjaman. Malah selagi kebijakan redaksi berita tersebut sesuai dengan visi dan misi serta kaedah-kaedah jurnalistik yang ada, pemilik TV One Aburizal Bakrie pasti menyokong polisi tersebut.

Oleh itu, pertimbangan rasa kebangsaan dan karakter Aburizal Bakrie yang nasionalis menjadi pertimbangan ideologi politik yang mempengaruhi proses pembingkai citra Malaysia dalam pemberitaan TV One. Para wartawan, penerbit, mahupun pemimpin redaksinya mengakui bahawa mereka mengenali Aburizal Bakrie yang memiliki rasa kebangsaan yang tinggi. Malah, mereka juga menyedari bahawa perasaan patriotik berpengaruh besar dalam proses pembingkai berita mereka. Namun, seperti yang diungkapkan Dodi, mereka diberi kebebasan untuk melakukan pengemasan berita dari Kuala Lumpur tentang berbagai-bagai kes. Asalkan tidak ada teguran dari “Jakarta”, itu bererti mereka telah melakukan liputan sesuai dengan keinginan redaksi berita ataupun pemilik TV One. Sama seperti Metro TV, pertimbangan ideologi ekonomi dan pertimbangan ideologi sosial kurang berpengaruh dalam pembingkai citra Malaysia.

Dengan demikian boleh dikatakan bahawa pertimbangan ideologi politik menjadi asas ideologi oleh TV One dalam membingkai citra Malaysia. Dalam pemberitaannya, TV One membingkai berita konflik Indonesia-Malaysia dengan menambahkan *filler* seperti muzik bertempo cepat serta penyajian gambar yang membakar semangat rasa kebangsaan. Oleh itu, jelas kelihatan bahawa pencitraan terhadap citra Malaysia tidak terlepas daripada ideologi politik yang dimiliki oleh pemiliknya, Aburizal Bakrie yang berpengaruh dalam polisi redaksi pemberitaan mahupun di bawah alam sadar para wartawannya yang cenderung mempunyai rasa kebangsaan yang besar.

Ideologi dan Faktor Pemilikan Media dalam Bingkai TVRI

Walaupun dapatan menunjukkan bahawa TVRI cenderung memberikan gambaran negatif terhadap citra Malaysia terhadap berita berkaitan Ambalat, TKI, dan tari Pendet, ia tampak sedikit berbeza daripada Metro TV dan TV One. Ini kerana pembingkai citra negatif terhadap Malaysia yang dilakukan TVRI lebih mengutamakan strategi pembingkai secara non-verbal, iaitu dengan penggunaan petikan suara dan grafik yang bertumpu pada “bingkai Presiden”. Bingkai TVRI terhadap isu Ambalat, TKI, dan tari Pendet sering berisikan sikap Presiden Republik Indonesia (RI) ataupun negara terhadap isu-isu tersebut.

Pembingkai tersebut juga selari dengan sejarah dan tujuan pembentukan TVRI. Dalam budaya polisi pemberitaannya, sebagai stesen televisyen kerajaan, TVRI cenderung menyokong polisi pemerintahan yang berkuasa. Ini senantiasa terlihat dalam pemberitaannya sejak Orde Lama hinggalah Orde Baru dan zaman Reformasi. Malah, Presiden sebagai ketua negara menjadi sumber berita utama dalam pemberitaan konflik hubungan Indonesia-Malaysia, ujar Yon Anwar, pemimpin redaksi TVRI. Sebagai stesen yang memiliki jaringan di seluruh negara, mempersatukan bangsa dan menjaga keutuhan negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) adalah antara misinya. Menurut penerbit berita TVRI, Bambang Iwan, siapa pun Presiden RI, polisinya akan didukung dalam polisi pemberitaan TVRI.

Oleh itu, karakter Presiden RI Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) mempunyai pengaruh kuat pada pembingkai TVRI terhadap isu-isu yang dikaji. Sebagai ketua negara dan juga

ketua Dewan Pembina Parti Demokrat, SBY dikenali sebagai tokoh politik dan Jeneral TNI yang memiliki jiwa kebangsaan yang besar.

Di samping itu, pengaruh partai politik yang berkuasa dalam TVRI masih kuat sehingga kini memandangkan Dewan Pengawas TVRI dipilih oleh DPR RI. Malah ini menyebabkan adanya kecenderungan politik di Senayan sama ada dalam meluluskan kader-kadernya sebagai Dewan Pengawas TVRI mahupun intervensi kepentingan politik terhadap TVRI. Ini kerana salah satu tugas Dewan Pengawas TVRI adalah memilih Dewan Direksi TVRI yang merupakan para pembuat polisi TVRI, termasuk polisi pemberitaan TVRI.

Oleh itu, pertimbangan ideologi politik, khasnya ideologi negara melalui karakter daripada ketua negara, SBY, mempengaruhi proses pembingkai citra Malaysia dalam pemberitaan TVRI. Seperti yang diakui para wartawan, penerbit, mahupun pemimpin redaksinya, mereka memahami misi dan visi TVRI dan mengenali SBY yang memiliki rasa kebangsaan yang besar. Mereka juga menyedari bahawa rasa kebangsaan pada diri mereka turut berpengaruh besar dalam proses pembingkai sama ada di lapangan mahupun dalam proses rutin media. Menurut Hendrajit, ketika membuat liputan berkaitan berita Ambalat, menyelip rasa kebangsaan apabila melihat kapal perang Malaysia memasuki wilayah Indonesia. Sebagai wartawan TVRI, dirinya terpanggil melaksanakan tugas negara melalui liputan berita.

Oleh itu jelas bahawa pertimbangan ideologi politik menjadi asas ideologi TVRI dalam membingkai citra Malaysia. Dalam pemberitaannya, TVRI membingkai berita konflik Indonesia-Malaysia dengan bertumpu pada strategi penyajian gambar, iaitu grafik dan petikan suara yang mencerminkan sikap ketua negara atau Presiden SBY. Pencitraan negatif terhadap citra Malaysia tidak terlepas daripada ideologi politik negara yang juga dipegang oleh Presiden SBY.

KESIMPULAN

Berasaskan data yang ditemukan dalam analisis pembingkai “Berita Televisyen”, temu bual mendalam, dan pemerhatian serta hasil tiangulasi, maka beberapa kesimpulan dilakukan. Secara umum, isu Ambalat, TKI, dan tari Pendet yang dibingkai oleh Metro TV, TV One, dan TVRI menempatkan Malaysia sebagai “saudara serumpun” yang tidak lagi menghargai saudara dan sudah lupa dengan kampung halamannya. Kerana itulah, Malaysia dibingkai secara negatif dalam pemberitaan ketiga-tiga stesen televisyen berkenaan sebagai salah satu cara seorang saudara mengingatkan saudara lainnya.

Berdasarkan dapatan analisis pembingkai model “Berita Televisyen”, Metro TV dan TV One cenderung memiliki bingkai yang hampir sama, iaitu bingkai *konflik*. Bingkai Metro TV dalam isu Ambalat memperlihatkan *Ancaman Malaysia* manakala TV One dengan bingkai *Malaysia Menyerang*. Dalam isu TKI, Metro TV membentuk bingkai *Siksaan TKI* sedangkan TV One dengan bingkai *Kematian TKI*. Isu berkaitan seni budaya (tari Pendet) pula menyaksikan bingkai Metro TV dengan *Tari Pendet Diklaim* dan TV One dengan bingkai *Klaim Malaysia*. Bingkai yang dihasilkan TVRI dilihat berbeza jika dibandingkan dengan Metro TV dan TV One. Bingkai TVRI pada ketiga-tiga isu cenderung memperlihatkan bingkai *Presiden*, iaitu membingkai citra Malaysia berasaskan pendapat Presiden RI, SBY: *Jalur Diplomasi* pada isu Ambalat, *SBY Marah* dalam isu TKI, dan *Protes SBY* pada isu tari Pendet.

Jika dikaitkan dengan sejarah ketiga-tiga stesen televisyen itu, maka persamaan atau perbezaan bingkai yang terhasil cenderung dipengaruhi oleh faktor pemilikan media dan landasan ideologi masing-masing. Metro TV dan TV One yang masing-masing dipunyai oleh

pengusaha yang juga merupakan tokoh politik nasional^{3/4}Surya Paloh dan Aburizal Bakrie^{3/4} cenderung membingkai citra Malaysia dengan pertimbangan ideologi politik berbanding pertimbangan ideologi ekonomi mahupun sosial, sedangkan TVRI yang merupakan media kerajaan cenderung membingkai citra Malaysia dengan pertimbangan ideologi politik sesuai dengan polisi Presiden RI.

Berasaskan proses analisis pbingkai dengan model “Berita Televisyen”, pbingkai secara verbal dan non-verbal menghasilkan bingkai-bingkai yang saling melengkapi satu sama lain.. Hal ini tampak pada siaran berita Metro TV dan TV One yang menggunakan kedua-dua jenis pbingkai yang saling memperkuat makna mesej. Pbingkai Metro TV dan TV One bukan sahaja untuk menarik perhatian penonton, tetapi juga untuk membangkitkan rasa kebangsaan seperti dengan memasukkan lagu perjuangan atau muzik dengan tempo bersemangat. Pbingkai secara non-verbal (audio-visual) dilakukan Metro TV dan TV One bagi memperkuat bingkai secara verbal (teks). Begitu juga stesen TVRI yang cenderung menggunakan strategi penyajian suara dengan petikan kata-kata daripada Presiden untuk memperkuat bingkai media secara verbal (teks). Dengan demikian, tepatlah andaian teoris bahawa analisis pbingkai secara non-verbal boleh digabungkan dengan analisis pbingkai secara verbal itu.

Berasaskan tringulasi antara dapatan analisis pbingkai model “Berita Televisyen” dan temu bual mendalam serta kajian sejarah ketiga-tiga stesen televisyen ini, jelas bahawa pbingkai berita televisyen dipengaruhi faktor wartawan, rutin media, pemilikan media, dan sistem politik dan penyiaran yang ada. Secara umumnya, bingkai media televisyen ini melalui proses pbingkai yang sama, iaitu selain menggunakan strategi pbingkai secara verbal, ketiga-tiganya turut menggunakan strategi pbingkai secara non-verbal. Wartawan televisyen yang membuat liputan berita di lapangan cenderung memiliki “bingkai wartawan” yang terbentuk berasaskan pemahaman, pengetahuan, dan pengalamannya dalam profesionnya atau terhadap isu tersebut. Ketika wartawan memilih gambar, sumber temu bual, atau mengumpulkan data di lapangan yang mendukung beritanya, mereka sebenarnya telah melakukan pbingkai. Bingkai wartawan ini kemudian “dibingkai ulang” dalam proses rutin media dalam menentukan “bingkai media”.

Dalam temu bual mendalam beberapa wartawan mengakui bahawa “bingkai wartawan” pernah berubah seratus peratus ketika sudah memasuki proses rutin media, khasnya pada berita-berita berkaitan politik atau konflik. Lazimnya, pemimpin redaksi, penerbit berita, dan para penerbit berperanan besar dalam pembentukan bingkai media. Selain itu, bingkai media sama ada secara verbal mahupun non-verbal turut dipengaruhi budaya organisasi, misi dan visi organisasi, termasuk ideologi pemilikan media, sistem politik, dan sistem penyiaran yang sedang berlaku ketika itu.

Atas asas triangulasi data temu bual mendalam, kajian historis mahupun dapatan analisis pbingkai, jelas bahawa faktor wartawan, faktor rutin media, faktor pemilikan media, dan sistem politik serta penyiaran berpengaruh terhadap bingkai media. Namun, faktor yang paling berpengaruh terhadap bingkai ketiga-tiga stesen televisyen yang dikaji ialah faktor pemilikan media. Kuatnya faktor pemilikan media televisyen kerana dipengaruhi perubahan sistem politik dan sistem penyiaran sejak zaman Reformasi. Semangat kebebasan wartawan pula menyokong kuat munculnya konglomerat media dan tokoh seperti Surya Paloh di Metro TV dan Aburizal Bakrie di TV One. Tambahan pula kedua-duanya merupakan tokoh politik yang sama-sama menjadi calon Presiden RI 2014 dan cenderung menggunakan stesen masing-masing untuk tujuan politik selain kepentingan bisnes. TVRI sebagai stesen milik kerajaan pula masih cenderung dipengaruhi dengan campur tangan parti politik yang

sedang berkuasa sehingga bingkai medianya kelihatan mengikuti polisi negara atau sikap Presiden sahaja.

Berasaskan triangulasi antara dapatan daripada analisis pbingkaian, temu bual mendalam, dan kajian sejarah, kelihatan bahawa pertimbangan ideologi berpengaruh kuat terhadap bingkai media. Di sebalik naskah mahupun gambar dan suara yang disiarkan, terdapat simbol dan motivasi tertentu dalam cara pbingkaian setiap media. Motivasi dengan pertimbangan ideologi politik tampak pada siaran berita televisyen yang menyudutkan Malaysia habis-habisan ataupun membela Indonesia mati-matian. Bingkai ketiga-tiga stesen berkenaan cenderung berasaskan landasan ideologi politik berbanding pertimbangan ekonomi mahupun sosial. Malah, landasan ideologi politik tersebut merupakan ideologi politik yang dianuti oleh pemilikan media, iaitu rasa kebangsaan.

Dalam temu bual mendalam dengan beberapa penerbit berita, mereka mengatakan tugas dilaksanakan sesuai dengan misi dan visi yang ditetapkan pemilikan media. Dengan demikian, tepatlah tesis kajian ini bahawa "Jika Pers (wartawan) atau media televisyen berada di bawah kendalian negara, maka ideologi penguasalah yang diterapkan, tetapi jika pers atau media televisyen memiliki kebebasan atau kemerdekaan, maka ideologi penguasalah (pemilikan media) yang menjadi panglima dalam proses pbingkaian."

RUJUKAN

- Entman, R. M. 1991. Framing United-States coverage of international news-contrast innarratives of the KAL and Iran Air incidents. *Journal of Communication*, 41 (4), 6-27.
- Entman, R.M. 1993. Framing: toward clarification of a fractured paradigm. *Journal of Communication*, 43 (4), 51-58.
- Gamson, W. A. & A. Mogdiliani. 1989. Media discourse and public pendapat on nuclear power: a constructionist approach. *American Journal of Sociology*, 95, 1-37.
- Glasser, B.G., & A.L. Strauss. 1971. *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Chicago: Aldine-Atherton.
- Hallin, Daniel C. 1986. *The Uncensored War: The Media and Vietnam*. New York: Oxford University Press.
- Hulteng, J.L. 1985. *The Messenger's Motives: Ethical Problems of the News Media*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Iyengar, S. 1991. *Is Anyone Responsible? How Television Frames Political Issues*. Chicago: University of Chicago Press.
- Kazmierczak, Elizabeth T. 2001. A semiotic perspective on aesthetic preferences, visual literacy, and information design. *Information Design Journal*, 10(2), 176-187.
- Liebes, Tamar. 1998. *Media, Ritual and Identity*. London: Taylor & Francis.
- Messariss, P & L. Abraham. 2001. The role of images in framing news stories. Dlm. *Framing Public Life: Perspectives on Media and Understanding of the Social World*, eds. S. D. Reese, O.H. Gandy, & A. E. Grant, 215-226. Philadelphia: Taylor & Francis.
- Mulyana, Deddy. 2011. *Ilmu Komunikasi: Suatu pengantar*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Sen, Krishna & D. T. Hill. (2007). *Media, Culture and Politics in Indonesia*. London: Oxford University Press.
- Syed Othman Syed Omar. 1999. *Tentera Malaysia dalam Era Konfrontasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Tagg, J. 1988. *The Burden of Representation*. Amherst: University of Massachusetts Press.
- Tuchman, G. 1978. *Making News: A Study in the Construction of Reality*. New York: The Free Press.
- Van Gorp, B. 2005. Where is the frame? Victims and intruders in the Belgian press coverage of the asylum issue. *European Journal of Communication*, 20, 485-508.
- Van Gorp, B. 2010. Strategies to take subjective out of framing analysis. Dlm. *Doing News Framing Analysis: Empirical and Theoretical Perspectives*, eds. P. D'Angelo & J. A. Kuypers, 85-109. Madison Avenue, New York: Routledge.